KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	04/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JPSM			

BH 4.12.2021_2

Penerokaan haram hutan simpanan kekal

Mesyuarat MTN setuju tindakan penguatkuasaan

Kuala Lumpur: Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-79 bersetuju dengan tindakan penguatkuasaan dan penyelesaian terhadap penerokaan haram hutan simpanan kekal (HSK) di Semenanjung, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat MTN kelmarin yang dipengerusikan beliau secara persidangan video itu juga bersetuju supaya semua kerajaan negeri melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan penyelesaian terhadap penerokaan haram berkenaan, selewat-lewatnya pada 1 Jun 2022.

Seterusnya, beliau berkata, MTN bersetuju secara prinsip dengan pelaksanaan moratorium kelulusan baharu penubuhan ladang hutan dalam HSK di Semenanjung selama 15 tahun.

Katanya, ia turut mengambil perhatian bahawa terdapat 127,050.25 hektar zon pembangunan ladang hutan dalam HSK yang belum diluluskan kepada mana-mana syarikat.

"Justeru, sebelum moratorium dikenakan ke atas kawasan berkenaan, kerajaan negeri yang ingin meneruskan pembangunan ladang hutan perlu melaksanakan perundingan secara terperinci dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) bagi memastikan syarikat yang akan dilantik itu mematuhi syarat ditetapkan dalam perjanjian konsesi serta lain-lain perundangan yang berkuat kuasa," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, Mesyuarat MTN Ke-79 turut bersetuju dengan Rang Undang-Undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2020 bagi Seksyen 11 dan 12 diluluskan Jabatan Peguam Negara pada 3 Disember 2020 serta Jemaah Menteri pada 6 Januari lalu.

"MTN juga bersetuju supaya RUU itu dibentangkan di Parlimen pada sesi pertama 2022. Dalam konteks ini, RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2020 hanya akan terpakai di negeri selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) meminda Enakmen Perhutanan (Pemakaian) masing-masing," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, MTN Ke-79 sudah mengesahkan keputusan Mesyuarat Majlis Mineral Pertama dipengerusikan Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 16 Februari lalu.

"Keputusan yang dibuat pada mesyuarat itu perlu dibawa untuk persetujuan dan pengesahan MTN bagi membolehkan keputusan berkenaan dipersetujui dan disahkan, khususnya membabitkan aspek perundangan seperti Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara serta enakmen berkaitan pada peringkat negeri," katanya.

Ismail Sabri berkata, Mesyuarat MTN Ke-79 selaras Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan, iaitu membentuk dari semasa ke semasa, melalui konsultasi (rundingan) dengan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan Majlis Kewangan Negara, suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan.

Beliau berkata, ia meliputi kawasan perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain dan untuk mentadbirkan apa-apa undang-undang mengenainya.

MTN dianggotai 10 wakil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada menteri kanan dan menteri berkaitan bersama menteri besar, ketua menteri atau wakil.